



Dari

INSTITUT *ke* **UNIVERSITI**

MARA untuk **BUMIPUTERA**



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Salam dari **Naib Canselor**

Fasa yang pertama (1967-1976) khusus kepada pendeklarasian ITM sebagai satu badan bebas yang memiliki kampus seluas 300 ekar di Shah Alam dan diletakkan di bawah penjagaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Fasa yang kedua (1976-1996) memperlihatkan ITM dengan kemampuannya di dalam bidang pengajian tinggi. Ia telah membawa kepada pelepasan Akta ITM 1976 yang menempatkan ITM di bawah Kementerian Pendidikan. Fasa yang ketiga (1996-1999) mengambil tempat berikutan dari keputusan pindaan Akta 1976 yang meletakkan ITM setaraf dengan universiti-universiti lain di dalam negara.

Pembangunan ITM dalam tempoh tahun-tahun tersebut adalah berkembang pesat ekoran perkembangan program pembelajarannya, yang sejajar dengan peningkatan keperluan tenaga kerja pada masa itu. Pelbagai bidang kursus mendapat hasil kerjasama dengan institusi antarabangsa dan ITM telah menawarkan program-program Diploma lanjutan setaraf dengan program ijazah. Pembangunan ITM boleh dilihat dalam jangka masa tiga fasa yang merangkumi tempoh selama 32 tahun secara keseluruhannya.


UiTM hari ini telah berpasak di dalam ruang pendidikan negara atas titik usaha dan wawasan Kerajaan Persekutuan, kebijaksanaan dan kepimpinan generasi Naib-Naib Canselor terdahulu, serta dedikasi para pentadbir, fakulti, kakitangan dan alumni.

Pencapaian yang telah kita memperoleh sememangnya luar biasa, tetapi tidak bermakna misi dan visi kita telah tercapai. Bagi memastikan tujuan universiti ini kekal relevan, UiTM mesti menyesuaikan keutamaan dan meletakkan komitmen yang tinggi dalam menghadapi cabaran dan perubahan dinamik dalam sistem pendidikan.

Kandur

1.	Seimbas lalu	5
2.	Salam dari Naib Canselor	8
3.	Menelusuri ITM ke UiTM	17
4.	UiTM kini	25
5.	Transformasi ITM kepada UiTM	35
6.	Falsafah, Visi, Misi, Objektif, Moto dan Nilai	45
7.	Navigasi UiTM Merentas Masa	51

1956



Universiti Teknologi MARA telah ditubuhkan pada tahun 1956 berlandaskan matlamat **untuk melatih, membina semula dan sekali gus meningkatkan taraf ekonomi masyarakat luar bandar**. Pada awal penubuhannya sebagai Pusat Latihan Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (LKKP) atau *Rural and Industrial Development Authority* (RIDA), beberapa kursus profesional telah ditawarkan bertujuan untuk melengkapkan individu dari luar bandar dengan kemahiran yang mampu melonjakkan potensi dan mengukuhkan taraf ekonomi mereka. Pusat latihan ini juga turut menjalankan peperiksaan bagi kursus profesional di bawah London Chamber of Commerce, UK dan diikuti dengan peperiksaan di bawah Australia Society of Accountants, Corporation of Secretaries, British Institute of Management, Chartered Institute of Secretaries dan beberapa lagi.

Dari
INSTITUT
UNIVERSITI

MARA untuk **BUMIPUTERA**

**Globally
Renowned**
Locally **Rooted**

UiTM di hatiku
لهمَا تقرىءِ موليا

Konsep & Rekabentuk:
Pejabat Komunikasi Strategik
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor